

Pengekalan ciri-ciri perumahan tradisional adalah penting sebagai komponen unik yang menyokong daya hidup sesebuah kawasan kampung. Unsur tradisional harus ditonjolkan sebagai kawasan yang menarik untuk didiami, mempunyai perumahan dan perkhidmatan berkualiti serta pelbagai kemudahan bertaraf bandar.

### DN 2.1: Pemeliharaan dan Penyediaan Insentif untuk Rumah Tradisional Sedia Ada

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Terdapat beberapa rumah yang masih mengekalkan ciri-ciri dan kriteria seni bina rumah tradisional yang perlu dipelihara.
- Keperluan kajian lanjutan untuk mengenal pasti ciri-ciri dan kriteria seni bina rumah tradisional yang perlu dipelihara.

##### Komponen Cadangan:

- Mewartakan sebagai kawasan pelancongan
- Menawarkan *homestay* rumah tradisional
- Mewujudkan agensi pengurusan/koperasi
- Menerapkan dalam pembangunan terkini
- Menawarkan lokasi bagi industri perfileman

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta dan masyarakat desa.



Foto: Perumahan Tradisional Melayu di Kg. Sungai Balang Besar, Muar

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Foto: Perumahan Tradisional Melayu di Kg. Tekam, Segamat

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini mengesyorkan satu (1) kluster kampung bagi setiap daerah di Johor Utara untuk pembinaan dan pengekalan perumahan tradisional sedia ada bagi tujuan pelancongan.

Daerah	Nama Kampung	Jenis Kampung
Muar	Kampung Melayu	Kampung Luar Desa
Segamat	Kampung Sulir	Kampung Dalam Bandar
Tangkak	Kampung Sagil	Kampung Luar Desa

#### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPKK</li> <li>• Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat Daerah dan Tanah</li> <li>• PBT</li> <li>• Jabatan Warisan Negara</li> </ul>

#### ANGGARAN KOS

- Insentif kos setiap kampung RM 1,000,000/daerah = RM 3,000,000


#### FASA PELAKSANAAN



## Justifikasi Cadangan

Rumah tradisional melayu adalah antara seni bina terawal yang merupakan tempat kediaman tradisional masyarakat penduduk asal di suatu ketika dahulu. Sehingga kini, masih terdapat beberapa rumah tradisional yang berdiri kukuh termasuklah di kawasan Johor utara. Kesenian pertukangannya disampaikan secara turun temurun dari generasi ke generasi dan telah mengalami proses transformasi selama bertahun-tahun mengikut arus pemodenan hari ini. Oleh itu adalah tanggungjawab generasi kini untuk meneruskan atau memelihara pembangunan yang memiliki unsur tradisional dan warisan. Terdapat pelbagai usaha dan program yang boleh ditekankan bagi merealisasikan cadangan ini iaitu:

Rajah 6.3: Langkah-Langkah Pemeliharaan Rumah Tradisional Melayu



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

### i. Pelancongan Rumah Tradisional

Konsep ini merupakan kaedah yang digunakan bagi memperlihatkan keunikan yang dimiliki kepada pelancong luar. Tambahan lagi, konsep seperti ini semakin mendapat perhatian setelah diketengahkan oleh pihak berkuasa. Potensi yang paling besar bagi menjadikannya kawasan pelancongan adalah perkhidmatan *homestay*. Perkhidmatan ini boleh diwujudkan dengan pakej aktiviti-aktiviti desa yang lain. Rumah tradisional yang berkeadaan baik dan cantik wajar untuk menjadi pilihan penginapan para pelancong. Ia juga mampu menjadi inspirasi kepada mereka sekiranya ingin menambah elemen tradisional yang dipelajari untuk menghiasi rumah mereka hari ini.

### ii. Menerapkan dalam Pembangunan Terkini

Pemeliharaan rumah tradisional melayu juga boleh dilakukan dengan mengasimilasikan seni bina tersebut ke dalam bangunan atau binaan baharu hari ini. Muzium Negara merupakan contoh terbaik dalam mengasimilasikan seni bina tradisional melayu pada bangunan-bangunan ikonik di Malaysia. Pembinaan rumah masa kini juga sesuai dalam meletakkan elemen-elemen tradisional melayu supaya warisan yang dimiliki ini dapat dikekalkan walaupun berada di dalam era permodenan.

### iii. Mewujudkan Agensi Khas Pembangunan Tradisional

Setiap usaha yang dinyatakan di atas boleh dijayakan sekiranya wujud sinergi yang kuat antara pihak berkuasa dan pemilik rumah-rumah tradisional melayu dalam memelihara seni bina warisan dalam kawasan desa. Sebuah agensi perlu diwujudkan bagi menguruskan dan menyusun strategi terbaik untuk memelihara seni bina rumah tradisional melayu. Kerja-kerja penyelenggaraan boleh dijalankan dan dikongsikan kaedah terbaik bersama-sama komuniti masyarakat dalam usaha menyelenggara bahagian-bahagian di dalam rumah tersebut.

## Penanda Aras

Dua (2) lokasi yang sesuai untuk dijadikan contoh di dalam kajian ini telah dikenal pasti iaitu Kampung Lonek, Negeri Sembilan dan Terrapuri Heritage Village, Terengganu. Konsep pembangunan, strategi pelaksanaan bagi kedua-dua penanda aras yang dipilih ini adalah sesuai untuk dilaksanakan ke dalam pembangunan tradisional Desa Johor pada masa akan datang.

### Homestay Kampung Lonek, Negeri Sembilan

*Homestay* Lonek ini ditubuhkan sekitar tahun 2004 dan seterusnya menjadi Koperasi *Homestay* Lonek Jempol Berhad pada tahun 2013. Kampung ini dikelilingi sawah padi ini menyediakan pakej pelancongan berkonsepkan *agro-tourism* dan kebudayaan tradisi setempat. Pelancong yang menginap di sini akan dapat merasai pelbagai pengalaman yang menarik termasuk sukan tradisional mengocha ikan serta menikmati keenakan juadah kampung.

*Homestay* Lonek menawarkan pelbagai program dengan pengalaman di kampung termasuk perkhidmatan sewaan kenderaan, sewaan chalet, pakej perkhemahan dan pakej kursus. Kepelbagaian perumahan tradisional melayu dikekalkan dalam kawasan kampung ini yang juga menjadi tarikan terhadap pelancong.

### Terrapuri Heritage Village, Terengganu

Terrapuri (*The Land of Palaces*) ialah projek pemuliharaan dan pemulihan rumah klasik melayu di Terengganu. Ia menampilkan 29 buah rumah tradisional yang antik ratusan tahun. Susun atur resort ini diilhamkan oleh Istana Terengganu abad ke-17 dan sekitarnya. Terrapuri terdiri daripada 20 vila yang eksklusif yang dipulihkan, galeri dan rumah pantai.

Pembangunan resort ini dibantu oleh beberapa inisiatif daripada pihak kerajaan dengan penawaran faedah serta bantuan dalam meneruskan perusahaan yang menekankan unsur tradisional melayu. Dengan penawaran inisiatif ini ia dapat menarik minat pengusaha untuk turut terlibat dalam pembangunan perumahan tradisional ini bagi menyokong sektor pelancongan di dalam kawasan desa.



Foto: Reka Bentuk Pintu Gerbang *Homestay* Lonek  
Sumber: Facebook, *Homestay Lonek*, 2021



Foto: Reka Bentuk Rumah Tradisional Terrapuri *Village*  
Sumber: Facebook, *Terrapuri*, 2021



Foto: Reka Bentuk Rumah Tradisional Sekitar *Homestay* Lonek  
Sumber: Facebook, *Homestay Lonek*, 2021



Foto: Kepelbagaian Kemudahan Sokongan  
Sumber: Facebook, *Terrapuri*, 2021